



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

28 Dec2021 (Tuesday)

Berita Harian

Harungi perjalanan sukar beri bantuan	1
MAIDAM bantu mangsa bah Wilayah Persekutuan	2

Utusan Malaysia

10 hari selepas bencana	3
Minggu mendebarkan Selangor	4

Harian Metro

30,000 mohon bantuan RM600 dari LZS	5
-------------------------------------	---

Sinar Harian

Nilai hartanah dijangka menyusut	6
Waspada gelombang kedua banjir	7
632 anggota, pegawai polis Selangor terlibat banjir	8
Situasi Hulu Langat mirip pasca tsunami di Kuala Muda - MB Kedah	9
KDEBWM laksana operasi besar-besaran angkut sampah banjir	10
Tiada pilih kasih salur bantuan mangsa banjir	11
LZS sedia bantuan kepada mangsa banjir	12

Bernamea News Channel

Agihan Bantuan Banjir RM1,000 Seawal Rabu Ini	13
Bantu Mangsa Banjir Tanpa Mengira Latar Belakang	14

TV3

Bantuan Sehingga RM2,600 Untuk Mangsa Banjir Di Selangor	15
Pangsapuri Indahria : Kerja Baik Pulih Bermula Minggu Depan	16

The Star

23 landslide spots flagged as high risk	17
Plugging flood woes	18
Landslides, disasters reported in 82 locations	19
Downpour causes flash floods in Kajang	20
Goalball champs defend title	21
Number of victims continues to drop	22

The Sun

RM1,000 flood aid from tomorrow	23
Adopt drastic strategies to tackle river pollution	24

TV3

MB : Sgor Flood Evacuees Can Apply For RM1,000 State Aid From Wednesday	25
---	----

Traxx FM (90.3)

Will Start Distributing RM1,000 Flood Assistant Starting Wednesday	26
--	----

China Press

The amount of garbage in the landfill site in Dengkil surged to 1,500 tons	27
A homestay was hit by floods, the customer did not ask for a refund of the deposit in order to help the operator.	28



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



Temporary evacuation centre set up service counters to issue relief and condolences subsidies from tomorrow	29
YDPN patrol evacuation center and exhort take care of all the peoples.	30
Sin Chew Daily	
City hall needs a major renovation of the messy and smelly back alleys	31
Zulkurnain: SMK USJ 23 has taken in 648 victims and is the most numerous relief centre	32
Flood victims are divided into 3 groups to apply for assistance, with those living in the evacuation centre are tomorrow and those who do not live will be on 3th January	33
Bernama News Channel	
Bantuan Sehingga RM2,600 Untuk Mangsa Banjir Di Selangor	34



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
28 December 2021		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Harungi perjalanan sukar beri bantuan
Muka Surat	:	17

Harungi perjalanan sukar beri bantuan

Hulu Langat: Sekumpulan pendaki sukarelawan perlu meredah kawasan tanah runtuh demi menghulurkan bantuan kepada mangsa banjir di Kampung Orang Asli Genting Peras di sini, yang terputus hubungan akibat kejadian banjir 18 Disember lalu.

Malah, mereka perlu mengharungi perjalanan sukar apabila laluan di situ dilitupi lumpur, berbatu, serpihan pokok tumbang serta lereng bukit, yang mengambil masa kira-kira dua jam untuk tiba ke kampung berkenaan.

Lebih mencemaskan apabila kumpulan pendaki itu berdepan kejadian runtuh susulan di sebahagian laluan terbabit, sejerus mereka melepasi kawasan berkenaan ketika pulang daripada trip kelima sepanjang menghantar bantuan kepada mangsa banjir.

Seramai 50 pendaki sukarelawan itu dikatakan kumpulan

pertama meredah laluan berkenaan selepas berlaku kejadian tanah runtuh, selain perlu memikul barangan keperluan dianggarkan antara 30 hingga 40 kilogram (kg) setiap seorang.

Kerja amal itu dilakukan CSR Hikers Trooper dan Amal Team Melaka selepas menerima maklumat mengenai nasib penduduk terbabit ketika melakukan pembersihan surau di Kampung Orang Asli Paya Lebar, Jumaat lalu, selain difahamkan, kerja pembersihan di kawasan itu sedang giat dijalankan pihak berkuasa.

Pengasas CSR Hikers Troopers, Abdul Rasyid Abdul Rahman, 35, berkata nasib 40 keluarga di Kampung Orang Asli Genting Peras itu hanya diketahuinya selepas seorang wakil mereka datang merayu bantuan makanan dan kelengkapan asas daripada Tok Batin Kampung Orang Asli Paya Lebar.



Sebahagian sukarelawan pendaki menghantar bantuan bekalan makanan dan keperluan harian ke perkampungan Orang Asli Genting Peras. (Foto Aizuddin Saad/BH)

“Kami minta bantuan rakan pendaki untuk menjalankan ekspedisi selama dua hari (Sabtu dan Ahad lalu). Bekalan elektrik di kampung mereka terputus dan ia menyukarkan untuk berkomunikasi dengan pihak luar.

“Perjalanan kami dari hab pe-

ngumpulan barangan ke pos kem Jabatan Kerja Raya (JKR) mengambil masa 25 minit menggunakan pacuan empat roda, sebelum perlu berjalan kaki melalui kawasan tanah runtuh, kira-kira dua jam untuk tiba di kampung berkenaan,” katanya kepada BH semalam.



KERATAN AKHBAR
28 December 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	MAIDAM bantu mangsa bah Wilayah Persekutuan
Muka Surat	:	18

MAIDAM bantu mangsa bah Wilayah Persekutuan

Kuala Terengganu: Majlis Agama Islam dan Adat Melayu (MAIDAM) menyalurkan bantuan tunai sebanyak RM200,000 bagi meringankan beban mangsa banjir di Wilayah Persekutuan.

Ketua Pegawai Eksekutif MAIDAM, M Rozi Bidin berkata, bantuan itu disalurkan kepada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) untuk pengagihan kepada semua mangsa banjir.

Katanya, bantuan itu disalurkan sebagai tanda solidariti kepada semua mangsa yang terjejas teruk susulan banjir.

“Kita sedang menunggu kelulusan untuk turut mengagihkan bantuan bagi meringankan beban mangsa banjir di Selangor dan Pahang.

“Kita akan menggunakan kaedah sama, iaitu

menyalurkan bantuan kepada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Pahang (MUIP) untuk diagihkan,” katanya kepada media selepas majlis menerima pembayaran zakat perniagaan berjumlah RM200,000 daripada Kumpulan Pengurusan Kayu Kayan Terengganu Sdn Bhd (KPKKT), di sini, semalam.

Majlis penyerahan zakat perniagaan disempurnakan Ahli Lembaga Pengarah KPKKT, Mohd Harun Isa.

Yang turut hadir Pengarah Eksekutif Golden Pharos Berhad (GPB), Profe-

sor Madya Dr Mohd Zaki Hamzah.

Mengulas lanjut, M Rozi berkata, MAIWP menyerahkan bantuan sebanyak RM1.25 juta bagi membantu meringankan beban mangsa ketika banjir melanda negeri ini tahun lalu.

Ketika mengulas mengenai jumlah kutipan zakat, katanya, sebanyak RM172 juta berjaya dikutip setakat ini.

“Kami menyasarkan kutipan zakat tahun ini adalah sebanyak RM185 juta,” katanya.

Dalam tempoh sama, katanya, MAIDAM sudah mengagihkan RM190.7 juta kepada golongan asnaf.



M Rozi Bidin



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 28 December 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	10 hari selepas bencana
Muka Surat	:	10



Barang rosak

PENDUDUK terpaksa membuang banyak barang yang rosak akibat ditenggelami banjir di penempatan setinggan warga asing di Kampung Kebun Bunga Batu 3, Shah Alam, Selangor semalam. - UTUSAN/ZULFADHLI ZAKI



Sampah

LONGGOKAN sampah yang ditinggalkan di tepi jalan di Taman Sri Muda, Shah Alam semalam sebelum dipindahkan pekerja Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA). - UTUSAN/AMIR KHALID

10 hari selepas bencana

Perabot bersepah

MUHAMMAD Arif Ikhwan Mohd. Nasrul Ariffin, 8, melintasi longgokan sampah melibatkan perabot dan perkakas rumah yang rosak akibat ditenggelami banjir yang dibuang di tepi Jalan Nilam, Taman Sri Nanding, Hulu Langat, semalam. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO



Pembersihan

KERJA-KERJA membersihkan kawasan sekitar Kampung Chennah, Jelebu di Negeri Sembilan giat dijalankan semalam. - UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN.



Asing peralatan sekolah

GURU Pra Sekolah SK Taman Sri Muda 2, Shah Alam, Noor Azliney Mamat, 40, mengasingkan barangan dan peralatan sekolah yang masih boleh digunakan selepas sekolah tersebut dilanda banjir. - UTUSAN/AMIR KHALID



KERATAN AKHBAR		
28 December 2021		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Minggu mendebarkan Selangor
Muka Surat	:	17

Minggu mendebarkan Selangor

CERITA NEGERI KAYA

Oleh Mohamad Athir Ismail

PERTAMA kali dalam tempoh 50 tahun itu yang diceritakan rata-rata penduduk Selangor yang tidak pernah berhadapan banjir. Mereka panik, waktu malam pada Sabtu, 18 Disember lalu, bertalu-talu mesej masuk menerusi aplikasi WhatsApp terutama dalam grup antara wartawan dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor apabila pemberita menyampaikan pesanan daripada kenalan yang terjejas banjir.

Bagaimanapun, banjir bukanlah bermula pada Sabtu tetapi sejak Jumaat lagi apabila JBPM melaporkan kejadian itu pada waktu petang di Taman Jaromas, Kampung Jenjarom selepas hujan sejak awal pagi. Itulah laporan rasmi banjir pertama diterima *Utusan Malaysia* di negeri ini.

Masih teringat pada malam itu, semua agensi akhbar menghadiri Majlis Penghargaan Media anjuran Majlis Perbandaran Klang (MPK) dekat sebuah hotel di Bukit Tinggi, Klang dan ketika itu juga hujan sangat lebat.

Pada waktu itu juga, makluman-makluman kawasan banjir mula diterima di Pelabuhan Klang, Bandar Baru Bukit Raja, Bandar Sultan Suleiman dan Meru. Ketika itu langsung tidak terfikir Taman Sri Muda, Seksyen 25 akan menjadi lokasi dilanda banjir terburuk.

Pada Sabtu, bermulalah episod laporan banjir satu demi satu diterima media. Ketika itu, Pelabuhan Klang keadaannya begitu teruk apabila tiga Pusat Pemindahan Sementara (PPS) dibuka dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Azmizam Zaman Huri dihubungi untuk mendapatkan gambaran jelas situasi di sana. Menurutnyanya, kawasan seperti Telok Gong teruk dilanda banjir apabila air menenggelamkan kelima-lima kampung tradisi di sana.

Sebelum itu, satu kejadian kemalangan dilaporkan di Lebuhraya Utara Selatan Hubungan Tengah (Elite) yang



TIADA siapa terfikir Taman Sri Muda, Seksyen 25, Shah Alam akan menjadi lokasi banjir terburuk di Selangor 18 Disember lalu. - UTUSAN/AFIQ RAZALI

mengorbankan 10 nyawa. Seorang suami kehilangan isteri dan lapan anak sekelip mata.

Kejadian tersebut berlaku di lorong kecemasan dekat laluan arah Shah Alam berhampiran Rehat dan Rawat (R&R) USJ. Maka, berkampung juga pemberita dari pelbagai agensi di Jabatan Forensik, Hospital Shah Alam.

Kemudian banjir mula merebak di kawasan perumahan di Kapar, malah Kampung Tok Muda yang tidak pernah ditenggelami air turut dilanda bencana tersebut selepas hujan sangat lebat berterusan masuk hari kedua.

Pada Ahad pula, hujan mula reda di beberapa kawasan seperti Shah Alam dan Klang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob memulakan lawatan di bahagian barat Selangor dengan melawat PPS di Sekolah Kebangsaan (SK) Kampung Johan Setia dan SK Telok Gong. Ketika itu, lebih 3,000 penduduk negeri ini sudah berpindah ke 17 PPS. Ismail Sabri menamatkan lawatannya dengan mengadakan mesyuarat pengurusan bencana bersama pelbagai kementerian dan agensi kerajaan di Pejabat Tanah dan Daerah Klang. Dalam sidang akhbar selepas itu, beliau mengumumkan gerak kerja bantuan dan

sumbangan kepada mangsa banjir di seluruh negara.

Kemudian, mesej-mesej mengenai penduduk di Taman Sri Muda mula tular dalam media sosial apabila ramai memaklumkan bekalan elektrik diputuskan sejak Sabtu dan penduduk mula mengalami gangguan liputan telekomunikasi. Tanpa membuang masa, pada Ahad malam itu juga sekumpulan pemberita pergi ke sana dan melihat situasi terburuk berlaku apabila penduduk di 4,400 rumah terjejas.

TSUNAMI

Tiada kediaman yang selamat kecuali rumah pangsa atau kondominium dan penduduk memaklumkan paras air lebih 12 kaki (3.7 meter) menenggelamkan papan tanda dan hentian bas di Persiaran Budiman, iaitu jalan utama di Taman Sri Muda.

Ketika itu, pelbagai agensi kerajaan sudah pun berada di sana seperti Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan JBPM yang membuka Pos Kawalan Operasi Bomba.

Pada Isnin, Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari mengadakan sidang akhbar di Bilik Gerakan Majlis Tindakan Ekonomi Selangor memaklumkan kerajaan negeri bersedia berhadapan bencana tetapi bukan pada tahap banjir yang teruk dan beliau memaklumkan

situasi itu belum pernah dihadapi Selangor. Beliau memaklumkan, lapan daerah terjejas iaitu Petaling, Klang, Kuala Langat, Hulu Langat, Kuala Selangor, Gombak dan Hulu Selangor.

Tetapi paling teruk adalah Taman Sri Muda kerana banjir di sana memasuki hari ketiga ketika Amirudin mengumumkan bantuan RM1,000 kepada mangsa dan RM10,000 kepada waris kehilangan ahli keluarga.

Tumpuan kemudian terarah ke kawasan berkenaan selepas kedua-dua kerajaan mendapat kritikan mengenai bantuan yang lambat malah penduduk di sana memberitahu, bantuan pertama tiba adalah daripada individu persendirian dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Muka hadapan *Utusan Malaysia* pada hari Selasa melaporkan banjir di Selangor *Ibarat dibadai 'tsunami'*, Rabu pula *'Rakyat jaga rakyat'*.

Tuding menuding terus berlaku dengan pelbagai tuduhan diberikan termasuk kepada anggota Kabinet. Keadaan itu menyebabkan Perdana Menteri mengarahkan sidang akhbar harian diadakan dan pada Khamis, empat agensi mengadakan sidang akhbar selang dua jam bermula pukul 10 pagi di Pusat Kawalan Tempat Kejadian (PKTK) dekat atas pembahagi jalan

belakang Restoran Pizza Hut di Persiaran Kemuning Prima.

Sidang akhbar itu disampaikan Ketua Polis Negara, Tan Sri Acryl Sani Abdullah Sani; Panglima ATM, Jeneral Tan Sri Affendi Buang; Ketua Pengarah JBPM, Datuk Mohammad Hamdan Wahid dan Ketua Pengarah Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Datuk Dr. Aminuddin Hassim. Sidang akhbar tersebut dilakukan selepas banjir di Taman Sri Muda surut sepenuhnya sejak Rabu malam apabila kira-kira 17 pam air diletakkan di sana bagi menyedut takungan keluar ke Sungai Klang selepas kunci air di sana rosak.

Kemudian, pada Sabtu, 25 Disember, sidang akhbar keempat-empat agensi kerajaan diadakan bagi memaklumkan perkembangan terkini situasi banjir dan memaklumkan fasa pasca melibatkan proses pemulihan dan pembersihan mula digerakkan sejak Rabu lalu di beberapa kawasan.

Proses tersebut turut disaksikan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah yang mencemar duli melawat PPS di Institut Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST), Seksyen 19 dan pembersihan Masjid Taman Sri Muda.

PENULIS ialah Koresponden *Utusan Malaysia* Selangor.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 28 December 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	30,000 mohon bantuan RM600 dari LZS
Muka Surat	:	6

30,000 mohon bantuan RM600 dari LZS

Shah Alam: Lembaga Zakat Selangor (LZS) menerima lebih 30,000 permohonan bantuan RM600 dikhaskan kepada mangsa banjir di negeri ini.

Ketua Pegawai Eksekutif LZS, Saipolyazan M Yusop, berkata, daripada jumlah itu, 14,500 permohonan disahkan manakala selebihnya permohonan tidak lengkap seperti tiada dokumen laporan polis atau pengesahan daripada ketua penduduk.

Katanya, wang bantuan sebanyak RM600 kepada setiap keluarga terjejas akan mula disalurkan terus ke dalam akaun bank ketua keluarga berkenaan bermula hari ini atau esok.

"Dalam masa sama, LZS juga menyediakan bantuan pasca banjir iaitu bantuan membaiki rumah yang kami jangkakan ramai yang akan menerima manfaatnya bermula Januari depan.

"Bantuan itu merangkumi semua jenis baik pulih sehingga nilai RM31,500 untuk sebuah rumah bagi keluarga asnaf di negeri ini.

"Selain itu, kami menyediakan bantuan kepada institusi seperti masjid dan surau yang mengalami kerosakan akibat banjir dengan peruntukan RM50,000 untuk sebuah institusi dan kami jangkakan 150 institusi akan menerima manfaat ini," katanya selepas Majlis Penyerahan Zakat Perniagaan LZS di Wisma PKPS di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Saipolyazan berkata, LZS memberi bantuan pembelian barangan asas untuk keluarga terbabit banjir selepas perincian dan banciaan dibuat pihaknya secepat mungkin.

Katanya, LZS akan cuba memudahkan pemberian bantuan kepada mangsa banjir supaya mereka boleh memulakan hidup baru selepas bencana banjir.



KERATAN AKHBAR		
28 December 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Nilai hartanah dijangka menyusut
Muka Surat	:	3

Nilai hartanah dijangka menyusut

Penurunan sehingga 30 peratus membabitkan hartanah berharga lebih RM500,000

Oleh FARAH SHAZWANI ALI

SHAH ALAM

Nilai hartanah di kawasan yang dilanda banjir dijangka terkesan, termasuk penurunan nilai sehingga 30 peratus membabitkan hartanah berharga lebih RM500,000 dalam tempoh setahun ke tiga tahun.

Namun, hartanah yang bernilai di bawah RM500,000 dijangka akan menyusut pada kadar minimum.

Ketua Pegawai Eksekutif ALIY Group of Companies, Datuk Mohd. Ali Abdul Majis bagaimanapun menegaskan, bukan semua kawasan yang pernah dilanda banjir akan mengalami penurunan nilai, sebagaimana yang berlaku di Kelantan dan Terengganu.

"Untuk jangka masa pendek, orang akan rasa takut untuk membeli rumah yang ada sejarah banjir. Tapi, berdasarkan kejadian banjir yang berlaku sekarang ini, bukan semua kawasan yang

dinaiki air ini pernah mengalami banjir.

"Bagi kawasan yang bukan biasa banjir, akan alami kesan jangka pendek iaitu orang akan takut dan mula berfikir sama ada untuk terus menetap di sana atau tidak, tapi selepas enam bulan ke setahun, ia akan cepat pulih.

"Walaupun ada yang akan berpindah, golongan yang akan datang selepas kesan jangka pendek ini akan ada kerana tak banyak rumah teres mampu milik di kawasan permintaan tinggi seperti kawasan perindustrian, kawasan banyak pekerjaan dan universiti," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Isnin.

Jelasnya, berbanding kawasan pembangunan baharu, harga rumah lebih mahal iaitu kira-kira RM1 juta di bandar Shah Alam dan antara RM600,000 ke RM800,000 di luar bandar Shah Alam.

Justeru, kawasan yang mempunyai banyak perumahan lama dan berharga di bawah RM500,000 seperti di Sri Muda, Seksyen 19, Seksyen 23, 25 dan 27 di Shah Alam masih akan menjadi pilihan terutamanya bagi golongan B40 dan M40.

Sementara itu, pakar dalam bidang pelaburan hartanah, Dr Azizul Azli Ahmad berkata, fak-



MOHD. ALI

tor bencana alam seperti tanah runtuh, banjir dan tanah jertus merupakan antara indikator yang dinilai dalam menentukan susut nilai hartanah di sesuatu kawasan.

Namun jelasnya, turun naik sesuatu hartanah itu turut bergantung kepada lokasi kawasan berkenaan.

Mengambil contoh kawasan yang berkepadatan tinggi terutamanya di bandar besar, permintaan sewa masih lagi kekal namun daripada segi transaksi jual beli, orang akan ambil ia sebagai indikasi untuk penilaian.

"Saya percaya, orang masih perlukan rumah sewa untuk duduk, namun untuk transaksi jual beli, mungkin orang akan mula mempertimbangkan kawasan yang lebih baik dan selamat kerana hartanah bukan macam beli kereta.

"Kesan tetap ada tetapi orang akan lebih berhati-hati dan orang akan 'marking' kawasan itu sebagai kawasan yang pernah dilanda banjir.

"Tapi, jika dibuat perbandingan, Kelantan adalah antara negeri yang dilanda banjir setiap tahun tapi hartanah di Kelantan masih tetap tinggi, begitu juga di Terengganu.

"Jadi, selain faktor banjir, kadang-kadang faktor setempat seperti macam orang Kelantan ni,



Sampah sarap dan perkakasan rumah yang rosak akibat banjir dikumpulkan oleh penduduk di hadapan rumah semasa tinjauan di Taman Seri Damal Perdana, Kuantan pada Isnin.

walaupun macam mana sekalipun, dia tetap nak balik dan menetap di Kelantan. Dia tahu akan berlaku banjir tapi dia akan buat rumah yang tinggi sedikit," katanya.

Beliau berkata, kawasan TTDI Jaya di Shah Alam pada tahun 1990-an pernah mengalami banjir.

Bagaimanapun, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) membuat keputusan yang tepat dengan memperbesar kawasan tadahan hujan, menyebabkan kawasan itu agak lama tidak mengalami banjir.

"Jadi, seperti kawasan Sri Muda dan Seksyen 25 di Shah Alam, jika MBSA ambil tindakan yang komprehensif, mungkin sekali ini sahaja kawasan itu

mengalami banjir. Apabila sungai didalamkan, kawasan tadahan hujan yang baharu ditambah, mungkin tidak akan berlaku banjir lagi.

"Nilai hartanah boleh meningkat balik kerana tiada sesuatu yang kekal. Saya yakin, terutamanya penempatan di kawasan bandar yang diuruskan oleh pihak berkuasa tempatan yang sistematik, tindakan pencegahan akan dilakukan dengan cepat.

"Sebagaimana di Kuala Lumpur, Tun Dr Mahathir Mohamad mengambil tindakan cepat membuat Terowong SMART (Terowong Jalan Raya dan Pengurusan Air Banjir). Tindakan itu banyak menyelamatkan faktor harta benda," ujar beliau.





KERATAN AKHBAR		
28 December 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Waspada gelombang kedua banjir
Muka Surat	:	4

Waspada gelombang kedua banjir

Luruan monsun berterusan hingga 3 Januari, penduduk Kelantan, Terengganu mula berkemas

SHAH ALAM

Penduduk negara ini diminta berwaspada kemungkinan berlaku gelombang kedua banjir susulan luruan monsun yang sedang melanda ketika ini dijangka berterusan sehingga 3 Januari depan.

Ia berdasarkan analisis Model Penyelidikan dan Ramalan Cuaca, Jabatan Meteorologi Malaysia (MMD-WRF); Pusat Eropah untuk Ramalan Cuaca Julat Sederhana (ECMWF) dan Sistem Ramalan Global (GFS).

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia, Muhammad Helmi Abdullah berkata, pada masa sama terdapat sistem cuaca tekanan rendah di Laut China Selatan.

“Keadaan ini berpotensi menyebabkan hujan berterusan di timur Sabah sehingga 2 Januari depan dan barat Sarawak pada 29 hingga 31 Disember ini, manakala di Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan pada 30 Disember hingga 3 Januari,” katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Di Rantau Panjang, Kelantan, biarpun masih belum hilang penat



Penduduk di Kelantan dan Terengganu dinasihatkan membuat persiapan awal susulan banjir gelombang kedua dijangka melanda Khamis ini.

selepas mengalami banjir gelombang pertama baru-baru ini, tinjauan *Bernama* di beberapa kawasan daerah ini seperti di Kampung Bukit Lata, Kampung Lachang, Kampung Terusan, Kampung Lubok Gong dan Kampung Siram mendapati penduduk tetap cakna dengan amaran terbaharu itu.

Seorang penduduk Kampung Terusan, Mustapa Junoh, 60, berkata, beliau bersama penduduk lain perlu lebih bersiap sedia menghadapi gelombang kedua banjir memandangkan kawasan kampung itu masih digenangi air akibat banjir yang dialami baru-baru ini.

“Penduduk sudah menyediakan sampan sebagai pengangkutan sekiranya banjir berlaku lagi. Kenderaan juga sudah diletakkan di kawasan lebih tinggi sebagai langkah berjaga-jaga menghadapi gelombang kedua banjir

nanti,” katanya kepada *Bernama*.

Ahad lalu, *Bernama* melaporkan model ramalan banjir Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menunjukkan kemungkinan berlaku banjir di beberapa kawasan di Kelantan dan Terengganu bermula Khamis ini.

Di Kuala Nerus, Terengganu, lebih 1,000 penduduk di enam kampung yang berisiko dilanda banjir gelombang berikutnya telah dinasihatkan membuat persiapan.

Ketua Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Leftenan Kolonel (PA) Mohd Rosman Abdullah berkata, enam kampung itu semuanya terletak di pedalaman daerah Dungun iaitu Kampung Pasir Raja, Kampung Syukur, Kampung Jongkok Batu, Kampung Minda, Kampung Jerangau dan Kampung Kuala Jengai.



KERATAN AKHBAR
28 December 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	632 anggota, pegawai polis Selangor terlibat banjir
Muka Surat	:	8

632 anggota, pegawai polis Selangor terlibat banjir

SHAH ALAM - Seramai 632 keluarga anggota serta pegawai polis di negeri ini turut menjadi mangsa banjir yang melanda Selangor minggu lepas.

Pengarah Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) Bukit Aman, Datuk Ramli Din berkata, kebanyakan mereka bertugas di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor, Shah Alam, Kajang serta Klang Utara.

“Kesemua warga polis yang terjejas tinggal di rumah sendiri dan kediaman sewa dan bantuan akan diselaraskan mengikut jumlah ahli ke-

luarga,” katanya selepas sidang akhbar penyampaian bantuan kepada mangsa banjir di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor pada Isnin.

Tambah beliau, anggota terbabit turut menerima sumbangan beras daripada empat buah syarikat dan kerabat diraja Selangor, Tengku Shariffuddin Shah Tengku Sulaiman Shah.

“Sumbangan pakaian turut diperoleh daripada Persatuan Pegawai-Pegawai Kanan Polis Bersara Malaysia (Respa) dengan diharap semua bantuan itu dapat meringankan beban warga polis yang terkesan,” katanya.



KERATAN AKHBAR
28 December 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Situasi Hulu Langat mirip pasca tsunami di Kuala Muda - MB Kedah
Muka Surat	:	12

Situasi Hulu Langat mirip pasca tsunami di Kuala Muda - MB Kedah

HULU LANGAT - Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor berkata, situasi kawasan penempatan penduduk bagi pasca banjir di kawasan Hulu Langat, Selangor mirip keadaan selepas kejadian tsunami yang berlaku di Kuala Muda, pada tahun 2004.

Menurutnya, proses pembersihan memerlukan sistem sokongan dan bantuan sewajarnya bagi memastikan ia dapat diuruskan dengan lebih baik.

“Di samping menyalurkan bantuan RM200,000, saya buat keputusan untuk turun ke Selangor.

“Kami ada pengalaman (banjir) banyak kali...ketika tsunami di Kuala Muda, lebih kurang beginilah keadaan lumpur. Kemudian, banjir biasa pada tahun 2010 dan kepala air di Yan baru-baru ini,” katanya kepada pemberita.

Beliau berkata demikian ketika ditemui sempena Program Khidmat Masyarakat bersama Menteri Besar Kedah di Kampung Sungai Lui di sini.

Muhammad Sanusi berkata, bersandarkan pengalaman pengurusan pasca banjir, pihaknya mengambil keputusan menggerakkan aset-aset keperluan dari Kedah bagi membantu proses pembersihan kawasan penduduk yang terjejas.

“Bersama kita ada lebih 500 orang sukarelawan daripada Pas dan agensi pihak berkuasa tempatan (PBT). Jentera yang juga aset baharu turut dibawa ke sini.

“Kita mahu ringankan beban penduduk. Nak harap mereka sendiri mungkin tak mampu. Ketika musibah di Yan, orang Selangor tolong. Kita balas balik jasa mereka,” katanya.

Minggu lalu kerajaan Kedah mengumumkan sumbangan khas kepada kerajaan negeri Selangor sebanyak RM200,000 bagi membantu rakyat ditimpa musibah banjir.



MUHAMMAD SANUSI



KERATAN AKHBAR		
28 December 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	KDEBWM laksana operasi besar-besaran angkut sampah banjir
Muka Surat	:	13

KDEBWM laksana operasi besar-besaran angkut sampah banjir

SHAH ALAM - KDEB Waste Management (KDEBWM) pada Isnin melaksanakan operasi pembersihan secara besar-besaran di kawasan banjir di Shah Alam, Hulu Langat dan Subang Jaya.

Pengarah Urusan KDEB Waste Management (KDEBWM), Ramli Mohd Tahir berkata, pihaknya mengubah modus operandi pembersihan dengan menghantar lori Roll On Roll Off (RORO) ke taman perumahan dan sampah tersebut akan dibuang ke stesen pemindahan sementara (TS) sampah pukal yang dibuka di lokasi terlibat banjir.



RAMLI

Menurutnya, KDEBWM turut menggerakkan lori muatan besar antara 10 dan 20 tan untuk mengutip sampah yang dilonggokkan di tepi jalan besar untuk dibuang ke TS atau terus ke tapak pelupusan sampah di Jeram.

"KDEBWM menggerakkan 500 aset lori RORO ke lokasi terlibat selain sewaan 50 jengkaut dan jentolak serta 50 lori pelbagai muatan untuk operasi besar-besaran pada Isnin.

"Sasaran kita cuba membawa keluar 2,000 hingga 3,000 tan sampah hari ini. Kalau boleh kerja-kerja dilanjutkan sehingga malam untuk selesaikan longgokan sampah banjir ini," katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Pada perkembangan sama beliau berkata, KDEBWM turut mendapat kerjasama daripada polis untuk menutup jalan utama di Hulu Langat selama dua jam bermula 8 pagi Isnin untuk menghantar 48 lori RORO ke Taman Sri Nanding.

"Beberapa hari ini kami menghadapi kesukaran masuk ke lokasi kerana lorong sempit, jalan sesak dengan kenderaan terutama pada Sabtu dan Ahad lalu.



Petugas pembersihan sedang melakukan kerja membersihkan longgokan sampah dan sisa banjir di Taman Sri Nanding, Hulu Langat pada Isnin.

"Kita harap penduduk bersabar, memberi laluan dengan tidak keluar masuk ke taman perumahan kerana boleh menghalang atau melambatkan operasi lori membawa keluar sam-

pah ke tapak pembuangan," katanya.

Beliau berkata, memasuki hari kelapan pembersihan, sebanyak 10,000 tan sampah telah diselesaikan pada operasi pasca

banjir setakat Ahad.

Beliau turut menjangkakan kos operasi keseluruhan pasca banjir termasuk sewaan jentera luar akan diketahui pada minggu hadapan.



KERATAN AKHBAR		
28 December 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Tiada pilih kasih salur bantuan mangsa banjir
Muka Surat	:	22

Agihan barangan sumbangan dilakukan mengikut prosedur secara telus

Oleh NORAFIZA JAAFAR

SUBANG JAYA

Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) bersama agensi berkaitan serta sukarelawan berusaha membantu semua mangsa banjir yang ditempatkan di pusat pemindahan sementara (PPS) tanpa diskriminasi.

Timbalan Datuk Bandar MBSJ, Mohd Zulkurnain Che Ali berkata, pengalihan barangan sumbangan dilakukan mengikut prosedur secara telus tanpa pilih kasih.

Beliau memberitahu, mungkin ada kekurangan ketika menguruskan mangsa di PPS Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) USJ 23 bermula 21 Disember lalu terutama membabitkan pembersihan namun kelemahan itu

dapat diatasi dengan baik berikutan bantuan pelbagai pihak.

"Secara umumnya pengurusan bencana peringkat daerah diuruskan oleh Pejabat Daerah dan Tanah Petaling dibantu oleh MBSJ, manakala PPS diuruskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Beliau berkata demikian mengulas isu tular di media sosial berkaitan bantuan bencana di PPS berkenaan Jumaat lalu.

Seorang individu menerusi Twitter meluahkan rasa kurang senang dengan sikap pemimpin yang dikatakan mengambil kredit terhadap hasil kerja yang dilakukan oleh sukarelawan di PPS tersebut.

Mohd Zulkurnain berkata, beliau berterima kasih kepada sukarelawan yang tidak me-

Tiada pilih kasih salur bantuan mangsa banjir



Mohd Zulkurnain (kiri) bertemu petugas dan sukarelawan di PPS SMK USJ 23 pada Ahad.

ngenal erti penat membantu mangsa banjir di PPS itu.

Bagaimanapun, banjir besar yang melanda beberapa kawasan di Petaling secara serentak pada 18 Disember lalu menyebabkan pegawai dan kakitangan JK M tidak dapat menguruskan secara

menyeluruh PPS kerana kekurangan petugas susulan terlalu banyak PPS dibuka.

"Justeru, MBSJ mengambil inisiatif menyalurkan bantuan terutama bertindak sebagai 'pemudah cara' kepada agensi yang berkaitan.

"Semua pihak melibatkan pengurusan sekolah, MBSJ, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Persatuan Sabit Merah (PBSM) termasuk sukarelawan daripada pelbagai latar belakang berganding bahu membantu dan menguruskan mangsa banjir secara bersama di PPS berkenaan," jelasnya.

Pada masa yang sama katanya, MBSJ turut membantu mengurus PPS di lokasi lain di beberapa dewan serbaguna MBSJ, sekolah-sekolah, masjid, surau dan Kelas Agama dan Fardu Ain (KAFA) di bawah pentadbiran MBSJ.

"Pengorbanan tanpa mengira penat lelah, masa, tenaga, wang ringgit amatlah dihargai dan kepada ALLAH SWT kita pohon rahmat yang berterusan," katanya.



KERATAN AKHBAR
28 December 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	LZS sedia bantuan kepada mangsa banjir
Muka Surat	:	25

LZS sedia bantuan kepada mangsa banjir

SHAH ALAM - Lembaga Zakat Selangor (LZS) menyediakan bantuan RM600 kepada keluarga yang terkesan banjir bermula esok atau lusa menerusi akaun bank, dengan permohonan hanya memerlukan dokumen minimum iaitu laporan polis atau pengesahan daripada ketua masyarakat.

Ketua Pegawai Eksekutif LZS Saipolyazan M Yusop berkata, program tersebut yang dilancarkan 48 jam lepas, telah menerima 31,500 permohonan daripada mereka yang terkesan.

“Sebanyak 14,500 permohonan telah disahkan berserta dokumen, manakala 17,000 lagi permohonan dihantar tanpa dokumen lengkap,” katanya kepada pemberita di sini pada Isnin.

Beliau memberitahu, LZS memerlukan dokumen minimum supaya wang zakat itu dapat disalurkan secepat mungkin, meskipun jumlah RM600 tidak banyak, ia diharap membantu memudahkan mereka memulakan semula kehidupan selepas banjir.

Tambah beliau, mangsa yang terjejas banjir boleh mengemukakan permohonan bantuan LZSPeduli secara dalam talian di pautan www.zakatselangor.com.my/lzspe-duli.

Dalam masa sama, pada Majlis Penyerahan Zakat Perniagaan LZS 2021 di Wisma Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) di sini pada Isnin, LZS menerima zakat perniagaan daripada 46 syarikat berjumlah RM6.81 juta, yang akan diagihkan kepada 422,000 individu daripada 65,000 keluarga asnaf dan 13,000

keluarga dalam kategori miskin sementara di Selangor.

Radicare (M) Sdn Bhd mendahului senarai syarikat yang menunaikan zakat perniagaan berjumlah RM984,122, diikuti SIRIM Qas International Sdn Bhd (RM943,149) dan KDEB Waste Management Sdn Bhd (RM531,498).

Saipolyazan berkata, syarikat lain yang turut menyerahkan zakat perniagaan masing-masing adalah Bank Muamalat Malaysia Bhd (RM496,078); Selia Selenggara Selatan Sdn Bhd (RM440,811); Bank Pembangunan Malaysia Bhd (RM439,963) dan Etiqa Family Takaful Bhd (RM405,000).

“LZS turut menyampaikan pelbagai jenis bantuan zakat kepada individu dan persatuan dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM976,303,” katanya.

Beliau berkata, ketika pandemik dan banjir di Selangor, banyak pihak datang kepada LZS untuk membantu antaranya individu yang selama ini tidak membayar zakat di negeri ini mula membayarnya, selain syarikat atau individu yang menambah bayaran zakat mereka tahun ini.

Saipolyazan berkata terdapat juga negeri lain yang memberi bantuan kepada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) kerana LZS dan MAIS sebelum ini membantu apabila negeri mereka dilanda musibah, antaranya Sabah yang menyumbang RM100,000; Pulau Pinang (RM150,000); Kedah (12,000 kampakit beras); Johor (4,000 bungkusan barangan kering); dan Perlis (kelengkapan solat bernilai RM20,000). - *Bernama*



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
27 December 2021

Akhbar	:	Bernama News Channel
Tajuk Berita	:	Agihan Bantuan Banjir RM1,000 Seawal Rabu Ini
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
27 December 2021

Akhbar	:	Bernama News Channel
Tajuk Berita	:	Bantu Mangsa Banjir Tanpa Mengira Latar Belakang
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
27 December 2021

Akhbar	:	TV3
Tajuk Berita	:	Bantuan Sehingga RM2,600 Untuk Mangsa Banjir Di Selangor
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
27 December 2021

Akhbar	:	TV3
Tajuk Berita	:	Pangsapuri Indahria : Kerja Baik Pulih Bermula Minggu Depan
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
28 December 2021		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	23 landslide spots flagged as high risk
Muka Surat	:	2

By **JAROD LIM**
 jarodlim@thestar.com.my

SELAYANG Municipal Council (MPS) has identified 68 locations affected by landslides under its jurisdiction with 23 being identified as high risk.

In a statement, MPS said 34 landslide areas were medium risk while the remaining 11 were low risk.

Immediate stabilisation works had been carried out on high-risk slopes including the placement of tarpaulin sheets, safety barricades, yellow safety lines as well as evacuation notices to affected residents.

Teratai Apartment in Bandar Baru Selayang was identified by the Mineral and Geoscience Department (JMG) as one of the spots.

On its Facebook account, MPS said a preliminary inspection found the incident was caused by a broken sewerage pipe belonging to Indah Water Konsortium Sdn Bhd.

The main pipe was subsequently closed to prevent further erosion.

Following the incident, repair works on the sewerage pipes were done on Dec 21 while tarpaulin sheets were placed the next day.

Selayang MP William Leong said MPS and Gombak District Office would submit a list of areas affected by landslides to the state government to carry out slope rectification works.

“Priority for slope stabilisation works will be based on the severity of the landslides.

23 landslide spots flagged as high risk

Selayang council takes steps to stabilise critical slopes



Tarpaulin sheets placed at the landslide spot near Teratai Apartment, Bandar Baru Selayang.

“In the meantime, MPS has conducted slope stabilisation works in areas that needed urgent attention,” he said.

JMG also identified eight other critical landslide areas namely Taman Nusa (Subang), Kampung Melayu Sepakat Batu 16 (Rawang), Jalan Bunga Anggerik, Taman

Melawati; Jalan Melati 7, Taman Seri Melati; Jalan Saidina Hamzah and Kampung Bukit Sungai Puteh, (Ampang) as well as Jalan Haji Abdul Latif and Kampung Bukit Kapar in Klang.

Several landslips were also seen at slopes beside Jalan Rawang.

At Kampung Melayu Sepakat, Batu 16, Rawang MP Chua Wei

Kiat’s aide Jackson Tan said tarpaulin sheets were placed on Dec 27 to temporarily stabilise the slope.

“Following a site visit by Chua on Dec 22, we found slight soil movement in the area but it was considered non-critical.

“Only one or two families living near the slope moved out,” he said.



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
28 December 2021		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Plugging flood woes
Muka Surat	:	3

Plugging flood woes

Sepang residents demand permanent solutions instead of stop-gap measures that get swept away

By GRACE CHEN
 gchen@thestar.com.my

ONE of the worst flood-affected districts in the state, Sepang is now faced with the daunting task of cleaning up and repairing its infrastructure.

On Dec 23, Kampung Sri Tanjung villagers in Dengkil were displaced after a bridge that connected them to town and provided access to Sungai Chembaya and Putrajaya collapsed.

The bridge, which spanned Sungai Langat, fell due to soil erosion caused by rushing floodwaters.

An contractor appointed by the public Works Department conducted repair works on the bridge; residents continued to look anxiously at the skies as they waited through knee-deep mud in an attempt to salvage what they could.

According to Azlan bin Abdul Halim, Saris, village head of Kampung Senangar, many white terracotta blue covers Kampung Sri Tanjung, all 100 houses in the village were inundated.

He estimated that some 800 villagers were affected.

Some 800 are at temporary evacuation centres while the rest are either homeless or have found temporary accommodation.

Water works are crucial in Sepang.

The social media pages of former councillor of Sepang Municipal Council (MPSepang), who was in charge of the Labu area and is also Kampung Gasing village councillor, management council (MCA) secretary Aziez Ibrahim, showed that floods have regularly plagued residents in those areas as well as Dengkil, Kuala Terengganu, Kota Bharu and Jerantam.

In October, for example, 11 areas were flooded after a downpour.

Floodwaters in their areas...

• SEE PAGE 3



FROM PAGE 1

A second round of floods in Kampung Gasing, that happened after a week, saw an additional 10 families comprising 37 people - including nine children and three babies - evacuated.

A flood hit along Jalan Ali Shah, which was supposed to prevent Sungai Labu from overflowing towards the village. The bridge was undergoing repairs during an afternoon downpour.

